



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58

13hb Oktober 2005

No. 21

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

No. 924.

PENUKARAN NAMA DAN TARAF MAJLIS DAERAH BENTONG
KEPADAMAJLIS PERBANDARAN BENTONG

CHANGE OF NAME AND STATUS OF BENTONG DISTRICT COUNCIL
TO BENTONG MUNICIPAL COUNCIL

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(1), 4(2) dan 4(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri, setelah berunding dengan Majlis Daerah Bentong telah menukar nama Majlis Daerah Bentong kepada Majlis Perbandaran Bentong dan setelah berunding dengan Menteri dan Majlis Daerah Bentong telah menukar taraf Pihak Berkuasa Tempatan bagi kawasan Majlis Daerah Bentong menjadi Majlis Perbandaran.

2. Penukaran dan pengubahan ini hendaklah mula berkuasa pada 16 Julai 2005.

JADUAL

Kawasan yang ditandakan dengan garisan tepi berwarna kelabu di atas Pelan P.W 3402 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang. Keluasan kawasan 1,105 kilometer persegi.

Bertarikh 15 Julai 2005

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pahang

In exercise of the powers conferred by subsections 4(1), 4(2) and 4(3) of the Local Government Act 1976, the State Authority, after consultation with the Bentong District Council has changed the name of Bentong District Council to Bentong Municipal Council and after consultation with the Minister and the Bentong District Council has changed the status of the local authority for the Bentong District Council area to be that of a Municipal Council.

2. These changes and alteration shall come into force on the 16 July 2005.

SCHEDULE

The area delineated edged in grey upon Plan No. P.W 3402 deposited in the Survey and Mapping Department of the State of Pahang. Area 1,105 kilometres.

Dated 15 July 2005

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM

*Clerk of Council
State of Pahang*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 925.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah bagi tujuan Projek Tapak Air Kg. Batu, Mukim Ganchong, Daerah Pekan.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Pekan. Mukim—Ganchong.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	G.M.		Hektar	Hektar
330	820	Aminah binti Lambak 1728/6912 bhg., Halimah binti Mahmud 72/6912 bhg., Johariah binti Nawawi 1440/6912 bhg., Jusoh bin Lambak 1728/6912 bhg., Lokman bin Yusof 1/4 bhg. dan Halimah binti Mahmud sebagai Pemegang Amanah 1 6/192 bhg. Memegang amanah bagi pihak Norfadhilah binti Abd Manan	2.226	0.530
		No. Perserahan 99/1984 Jilid 3 Folio 91 Kaveat Pendaftar atas Syer ke atas bhg. Halimah binti Mahmud sebagai Pemegang Amanah, 216/6912 bhg. Didaftarkan pada 27 Mac 1984 Jam 10:10:00 pagi		

Bertarikh 27 September 2005
[PTP 8-0286]

DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN MUSA
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

NOTIS AM

No. 926.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Wong Wun Loong @ Wong Sek Lam, 6533 Jalan Bukit Mentok, Taman Haji Wan Ngah 11, 24000 Cukai, Kemaman, Terengganu Darul Iman.

Penggadai di bawah Gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Gadaian ini dengan tidak menjelaskan wang sebanyak RM142,749.51 serta faedah ke atasnya dengan kadar 2.5% atas Kadar Pinjaman Asas Masakini (Kadar Pinjaman Asas Masakini ialah 6.90%) setahun dengan kiraan bulanan dari 4 September 2003 sehingga tarikh penyelesaian atau pembayaran penuh seperti dalam Klausula 1 dalam Lampiran Gadaian tersebut.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu perintah jual.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Kuala Kuantan	30381	28360	Semua	Tiada	No. Perserahan 6005/96 Jilid 358 Folio 50

(Satu (1) Suratan Hakmilik sahaja)

Bertarikh 18 Disember 2003

Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan) oleh atau bagi pihak pemegang gadaian

Hakcipta Pencetak (II)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA